

## BAB V

### Kesan terhadap Sosial, Politik

#### Kesan dari dasar Siamisasi terhadap pentadbiran

Pada peringkat awal struktur pentadbiran bagi negeri-negeri Melayu Patani iaitu Sultan atau Raja sebagai pemimpin tertinggi di negeri-negeri tersebut. Jawatan selanjutnya ialah "*Dato'-Dato'*" ataupun "*Sri Tuan Kromkan*" dalam bahasa Thai yang terdiri dari kerabat diraja dan pembesar-pembesar dalam negeri masing-masing.<sup>1</sup> Kemudian jawatan pemimpin-pemimpin di peringkat daerah dan kampung seperti jawatan Mae Korng atau Tok Khweng dan penghulu yang biasanya Raja akan melantik kerabat keluarganya ke jawatan-jawatan tersebut seperti yang telah berlaku dalam negeri Reman.<sup>2</sup> Begitu juga hubungan di antara Raja Sai dengan Raja Daerah Bachok. Struktur pentadbiran di Kampung Duku semasa itu ialah penduduk kampung berada di bawah naungan Raja Daerah dan Raja Daerah seterusnya berada dibawah pentadbiran Raja negeri Sai yang sebelum tahun 1872 bertapak di Jeringga dan selepas tahun 1872 bertapak di Teluban.

Pentadbiran semasa itu ialah dari Raja Daerah Melayu kepada Raja negeri Melayu dengan pihak Siam tidak masuk campur dalam hal pentadbiran

<sup>1</sup> Institute of Southern Studies, Thaksin University, Saranukrom Phak Tai Vol. 8 (Bangkok: Amarin Printing Group, 1998) Muka 3383

<sup>2</sup> Laporan Phra Ananta Sombat Pembantu Governor Songkhla kepada Prince Sommata Amornphan tarikh 11 Oktober R.S. 113 (1894), Dokumen Rama V Mo. 49/70, National Archives, Bangkok.

negeri. Ia hanya mewajibkan negeri Sai menghantar ufti dalam masa 3 tahun sekali. Ufti itu dari hasil pungutan dari penduduk negeri Sai termasuk penduduk Kampung Duku. Kemudian pihak Siam telah mulai campurtangan dalam hal pentadbiran negeri Sai. Pada tahun 1901 Phraya Sakseni ( Na Boonnak ) telah membahagikan negeri Sai menjadi 3 Daerah atau Amphoe iaitu 1. Daerah Teluban atau Klang Muang 2. Daerah Jeringga dan 3. Daerah Menara atau Bangnara. Beliau telah membentuk jawatankuasa pentadbiran daerah atau *Kromkan Amphoe* dalam bahasa Thai. Walaupun begitu sebilangan besar jawatan-jawatan Ketua Daerah masih dipegang orang Melayu. Hanya nama jawatan tersebut sahaja ditukarkan kepada bahasa Thai seperti Dato' menjadi Nai Amphoe. Pada masa itu Kampung Duku terletak dalam Daerah Teluban. Kemudian dalam tahun 1910 negeri Sai dipecahkan kawasan pentadbiran sekali lagi dengan Daerah Jeringga dan Daerah Menara diserapkan ke dalam pentadbiran negeri Legeh. Maka Daerah Teluban dipecahkan kepada 3 daerah baru iaitu 1. Daerah Teluban 2. Daerah Champaka kemudian menjadi Daerah Bachok dan 3. Daerah Kecil ( Sub-district) Kelaba. Dalam perubahan kali ini Kampung Duku sebelum ini berada di bawah pentadbiran Daerah Teluban telah berada di bawah pentadbiran Daerah Champaka atau kemudian Bachok. Pegawai Daerah atau *Nai Amphoe* pertama bagi Daerah Bachok ini ialah seorang keturunan Thai bernama Luang Noraphaiphitak.

Terdapat beberapa ketua mukim dalam daerah Bachok semasa itu seperti Khun Bachok Kankarani @ Tok Kenik sebagai ketua mukim Bachok. Khun Pala Lubuk Khet sebagai ketua mukim Lubuk Sawa. Khun Prachum Gajahmat(i) atau Che' Nah sebagai ketua mukim Gajah Mati, Khun Palukas Kamthorn sebagai

ketua mukim Belukar Samak,<sup>3</sup> sebaliknya ketua mukim Beris dan mukim Atas Beris belum diketahui namanya.<sup>4</sup> Bagi Khun Bachok Kankarani atau Tok Kenik itu, beliau mempunyai tempat kediaman di kawasan Pohon Keranji di Kampung Duku. Beberapa tahun kemudian pihak kerajaan telah memecahkan Kampung Duku kepada 2 bahagian. Sebahagian pentadbirannya termasuk dalam pentadbiran Kampung atau Mu 2 yang terdiri dari kawasan Duku Pak Lek dan sebahagian dari Duku Belukar Pekan Bachok juga termasuk dalam pentadbiran Kampung atau Mu 2. Sebahagian pentadbiran lagi ialah pentadbiran Kampung atau Mu 3 yang terdiri dari kawasan Duku Masjid atau Duku Pondok, Duku Pusutiga, Duku Surau, Duku Pandan, Duku Khelek, Duku Pauh Tok Ga, Duku Dusun dan sebahagian dari Duku Belukar. Dalam pentadbiran Kampung atau Mu 2 dan 3 itu seorang penduduk Melayu tempatan bernama Sdr. Che' Mat dilantik menjadi ketua mukim Bachok dan ketua Kampung Mu 2 dan Sdr. Saud Bin Mohd. Diah dilantik menjadi ketua Kampung Mu 3. Kemudian Sdr. Mohd. Said, bekas kerani pejabat kerajaan yang berasal dari Bangkok dilantik menjadi ketua mukim Bachok dan ketua Kampung Mu 2.

Beberapa tahun kemudian pihak kerajaan telah melantik Pradit Prasongsuk, bekas kerani penjara yang berasal dari Daerah Langsuan, Wilayah

<sup>3</sup> Pengkaji telah temubual dengan Sdr. Awang Bin Khareng umur 82 tahun bekas Guru Besar Sekolah "Rongrian Namtok Bacho (Wan Khru 2501)" pada 14 November 2000 di Laman Perpustakaan Awam Daerah Bachok.

<sup>4</sup> Pengkaji telah temubual dengan Haji Zakaria Bin Salleh umur 75 tahun, Bekas Ketua Mukim Beris pada 15 November 2000 di Pekan Bachok.

Chumporn<sup>5</sup> menjadi ketua mukim dan ketua Kampung Mu 2 dan melantik seorang Melayu tempatan bernama Sdr. Ismail Bin Mahmud atau Sachik sebagai pembantu ketua mukim Bachok. Dan Kerajaan Thailand juga telah melantik Sang Chanliam, seorang keturunan Thai yang berasal dari mukim Teluban, Daerah Teluban, Wilayah Pattani menjadi ketua Kampung Mu 3. Ia menjadi satu sejarah bagi penduduk Kampung Duku yang berada di dalam Kampung Mu 3. Secara keseluruhan adalah keturunan Melayu telah mempunyai seorang ketua Kampung berbangsa Thai.

Kemudian setelah jawatan ketua mukim Bachok kosong pada tahun 1952, Sang Chanliam dilantik menjadi ketua mukim Bachok setelah menjadi ketua Kampung Mu 3 semenjak 1942. Bagi Sdr. Ismail Bin Mahmud atau Sachik, bekas pembantu ketua mukim dilantik menjadi ketua Kampung Mu 2 menggantikan tempat Pradit Prasongsuk pada tahun 1951. Kemudian sekitar tahun 1976-77, pihak Kerajaan telah mengadakan pemilihan secara undian oleh penduduk kampung untuk jawatan ketua Kampung Mu 2 menggantikan tempat Sdr. Ismail Bin Mahmud atau Sachik. Pemenang dalam pengundian tersebut ialah Sdr. Abdul Latif Bin Mohd. Din atau Bukit Jait, cucu kepada Khun Bachok Kankarani atau Tok Kenik bekas Ketua Mukim Bachok. Tidak lama selepas itu Kampung Mu 2 dipecahkan kepada 2 bahagian pentadbiran atau Mu iaitu Kampung Mu 2 yang ketua Kampung masih dipegang oleh Sdr. Abdul Latif Bin Mohd. Din. Kawasan pentadbirannya termasuk sebahagian dari kawasan Duku

<sup>5</sup> Pengkaji telah temubual dengan Sdr. Abdul Latif Che' Yusuf umur 70 tahun. Bekas Polis berpangkat Lefteran Muda pada 14 November 2000 di Pekan Bachok.

Belukar dan sebahagian dari kawasan Duku Pak Lek. Sebahagian pentadbiran atau Mu lagi ialah Kampung Mu 5 yang dinamakan Kampung Pauh Bak. Sebahagian dari Kawasan Duku Pak Lek termasuk dalam kawasan pentadbiran Kampung atau Mu 5 yang Sdr. Awang Bin Ismail atau Sachik menjadi ketua Kampung baru ini. Pada akhir tahun 2002 Sdr. Awang Bin Ismail ditembak mati dalam satu pertelingkahan dengan penduduk kampung. Jawatannya kini dipegang oleh Sdr. Azizi Che' Lam.

Bagi pentadbiran Kampung Mu 3 selepas Sang Chanliam selaku ketua mukim Bachok dan ketua Kampung Mu 3 bersara pada tahun 1975. Pengganti jawatan tersebut ialah Sdr. Mohd. Daud Bin Haji Ahmad @ Lamatha,<sup>6</sup> cucu kepada Haji Mohd. Tahir Bin Mohd. Ahan atau Tok Duku. Seterusnya beliau memegang jawatan ketua mukim Bachok setelah mengalahkan Sdr. Abdul Latif Bin Mohd. Din @ Bukit Jait, ketua Kampung Mu 2 dan Sdr. Abdul Rashid Mohd. Amin, ketua Kampung Bechah atau Kampung Mu 1 dalam satu pemilihan ketua mukim oleh penduduk Mukim Bachok. Kemudian pada tahun 1997 Kampung Mu 3 dipecahkan kepada 2 bahagian pentadbiran iaitu Kampung Mu 3 yang masih di bawah pimpinan Sdr. Mohd. Daud Bin Haji Ahmad @ Lamatha dan Kampung Mu 7 yang dinamakan Kampung Duku Surau. Dalam pentadbiran Kampung Mu 7 itu termasuk kawasan Duku Pusutiga, Duku Surau, Duku Dusun, Duku Pandan dan Duku Pauh Tok Ga.

<sup>6</sup> Pengkaji telah temubual dengan Sdr. Mohd. Daud Lamatha umur 60 tahun. Ketua Mukim Bachok pada 11 November 2000 di Pejabat Ketua Mukim di Kampung Duku.

Ketua Kampung Mu 7 ialah Sdr. Hasbullah Bin Ahmad. Kemudian pada tahun 2001 beliau meletak jawatan tersebut untuk bertanding menjadi ahli badan pentadbiran mukim Bachok. Beliau dipilih oleh ahli badan tersebut yang terdiri dari 2 orang setiap kampung sebagai pengerusi badan itu. Bagi ketua Kampung Mu 7 digantikan oleh anak saudaranya, Sdr. Mohd. Tahir.<sup>7</sup>

Daripada senario perubahan pentadbiran dalam Kampung Duku dapat kita lihat keberkesanan dasar "*Divide and Rule*" atau "*Pecah dan Perintah*" terhadap Kampung Duku dengan tanpa disedari oleh penduduk Kampung itu sendiri. Ia berubah daripada pemimpin atau ketua masyarakat berketurunan Melayu yang bernaung di bawah seorang Raja negeri atau pemimpin juga keturunan Melayu menjadi pemimpin atau ketua kampung keturunan Melayu yang bernaung di bawah pemimpin daerah dan wilayah keturunan Thai. Penggunaan mata wang bagi penduduk Kampung Duku juga berubah dari Mata Wang "*Pitis negeri Sai*" kepada "*duit satang Siam*" dan kemudian "*duit baht*" yang penduduk Melayu di 3 wilayah Melayu di Selatan Thailand masih terpengaruh dengan mata wang Melayu iaitu "*kupang*" lalu mereka memanggil mata wang Thailand itu dengan "*Kup*" atau "*Kub*" kecuali di Wilayah Setul yang kekal dengan sebutan "*baht*" selain dari itu mereka memanggil "*governor*" yang mentadbirkan wilayah Narathiwas sekarang dengan nama "*Raja negeri*". Pada tahun 1970-an dan 1980-an mereka masih menganggap "*Raja Bhumiphol*"

<sup>7</sup> Sumber maklumat Pemecahan Kampung Duku dan Petindakan Ketua - Ketua Kampung dan Mukim Pengkaji telah mendapat maklumat tersebut daripada Sdr. Abdul Rani Mat Wing, Petugas Khas di Pejabat Daerah Bachok pada 10 November 2000.

sebagai "*Raja Bangkok*" ataupun "*Raja Siam*". Dalam usaha kerajaan Thailand untuk raja tersebut diterima oleh masyarakat Melayu, kerajaan Thailand telah membina sebuah istana bernama Istana Thaksin di kaki bukit Tanjung di pinggir Bandar Narathiwat. Mereka menjalankan beberapa projek kebajikan seperti perkhidmatan perubatan percuma, pembangunan perusahaan desa dan sebagainya sehingga sekarang penduduk Melayu termasuk penduduk Kampung Duku menganggap Raja tersebut sebagai "*Raja Kita*".<sup>8</sup>


Selain itu dapat dilihat campurtangan pihak kerajaan dalam melantik seseorang pemimpin seperti melantik beberapa pemimpin keturunan Thai menjadi ketua kampung dan ketua mukim seperti yang telah disebutkan sebelum ini. Walaupun dalam pelantikan seseorang ketua kampung dan ketua mukim itu dengan cara pengundian oleh penduduk kampung. Tetapi pihak kerajaan akan melantik sesiapa sahaja yang mereka menganggap sesuai bagi mereka. Hanya di akhir – akhir ini sahaja amalan pemilihan telah diamalkan. Bagaimanapun sesetengah kampung atau mukim pihak pegawai kerajaan adalah penentu kemenangan bagi seseorang calon. Mereka akan campurtangan dalam pemilihan tersebut secara langsung dan tidak langsung,<sup>9</sup> kerana setiap pemilihan tersebut dikendalikan oleh pihak pejabat daerah.

<sup>8</sup> Dilok Siritwallop, "*Raja Kita*" dalam 72 Pansa Nara Rasadorn Ruam Jai Terd Nai Luang (Bangkok: Asaraksa Dindaen, 2000), Muka 131-132

<sup>9</sup> Pengkaji pernah mengikuti dalam satu Pemilihan Ketua Kampung di sebuah Kampung dalam Wilayah Narathiwat beberapa tahun lalu didapati Pihak Kerajaan secara langsung campurtangan dalam Pemilihan tersebut sehingga Calon yang ditajainya berjaya dalam Pemilihan tersebut.

Sesetengah calon yang berjaya setelah menjadi ketua kampung dan ketua mukim tidak beberapa lama. Mereka akan berubah kelakuan setelah sering “*Khao Sangkhom*” atau “*bermakan-minum*” iaitu mengadakan jamuan minuman keras bersama pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan. Walaupun ketua-ketua kampung dan ketua mukim di Kampung Duku belum terlibat dengan perkara seperti itu, tetapi terdapat seorang ketua kampung yang berhampiran dengan Kampung Duku.<sup>10</sup> Ketua Kampung tersebut telah menganggap minuman keras sebagai minuman biasa baginya walaupun dia adalah orang berpendidikan agama. Setelah pihak kerajaan dapat mempengaruhi pemimpin-pemimpin secara itu, mereka juga dapat mempengaruhi penduduk kampung melalui pemimpin-pemimpin tersebut.

Rajah 5. Struktur Pemecahan Kampung Duku



<sup>10</sup> Pengkaji telah temubual dengan Sdr. Ismail or Adnan Seng umur 34 tahun. Ahli Badan Pentadbiran Mukim



### **Kesan dari Dasar Siamisasi terhadap politik**

Politik dalam masyarakat Melayu di Kampung Duku dijeniskan kepada 2 bahagian iaitu pertama ialah politik mengikut perundangan Thailand dengan melalui pilihan raya baik di peringkat kebangsaan maupun di peringkat tempatan. Kedua ialah politik melalui pertubuhan-pertubuhan pemisah Melayu Patani untuk mewujudkan sebuah negara Melayu yang berasingan dari Thailand.

### **Politik melalui pilihan raya**

Pilihanraya di peringkat kebangsaan terdiri dari pilihan raya bagi ahli parlimen dan senator. Bagi pilihan raya di peringkat tempatan terdiri dari pilihan raya ahli dewan pentadbiran wilayah, ahli majlis perbandaran Bachok yang sebahagian dari Kampung Duku termasuk dalam kawasan pentadbiran majlis perbandaran Bachok dan ahli badan pentadbiran mukim Bachok yang sebahagian besar Duku termasuk dalam kawasan pentadbiran tersebut.

Sejarah pilihan raya di peringkat parlimen pertama di Thailand diadakan pada 17 November 1933. Sistem pemilihan ahli parlimen semasa itu dijalankan secara tidak langsung iaitu penduduk Kampung Duku mengundi calon wakil mukim, kemudian wakil mukim akan mengundi calon ahli parlimen. Dalam pilihan raya kali pertama ini *Khun ChamnanBhasu* atau *Rit RatanaSrisuk* seorang keturunan Thai terpilih menjadi ahli parlimen. Kemudian pilihan raya kali kedua dan seterusnya yang dijalankan secara langsung iaitu penduduk

Kampung Duku mengundi calon ahli parlimen. Dalam pilihan raya kali kedua pada 7 November 1937 dan kali ketiga pada 12 November 1938, calon yang berjaya terpilih sebagai ahli parlimen bagi wilayah Narathiwas ialah Tengku Abdul Jalal Bin Tengku Abdul Muttalib atau nama Siamnya, Adul Na Saiburi. Kemudian beliau bersuaka politik dan menetap di negeri Perak seterusnya di Kelantan.<sup>11</sup> Dalam pilihan raya pada 29 Januari 1948 tiada ahli parlimen bagi wilayah Narathiwas.

Kemudian dalam pilihanraya 26 Februari 1952, Wongsa Chaisuwan seorang keturunan Cina menjadi ahli parlimen. Dalam pilihan raya pada 15 Disember 1957 Sdr. Abdul Samad Iam-Wiroet, seorang tokoh politik Melayu yang berasal dari Bangkok dipilih menjadi ahli parlimen. Beliau mendapat sokongan penuh dari penduduk Kampung Duku, kerana sifat kemelayuan dan simpatinya terhadap nasib penduduk dan juga simpati dengan kematian Haji Mohd. Tahir Bin Mohd. Dahan atau Tok Duku semasa berada di rumah Pegawai Daerah Bachok sehingga beliau menghantar surat kepada Perdana Menteri Thailand untuk mendapat penjelasan dari kerajaan Thailand. Kemudian Sdr. Abdul Samad Iam-Wiroet ditembak mati oleh pihak tertentu pada 12 Mei 1956.<sup>12</sup> Pihak kakitangan kerajaan terlibat secara langsung dalam pembunuhan tersebut, kerana pada masa tersebut berlaku beberapa pembunuhan ahli-ahli

<sup>11</sup> Mengikut Almarhum Haji Nik Musa Bin Nik Kundur, iaitu Datuk saudara pengkaji sendiri menyatakan bahawa semasa Tengku Abdul Jalal menetap di Kampung Geting, Kelantan sebelum berpindah ke Pasir Puteh, Kelantan. Beliau mendapat bantuan dari Keluarga Haji Nik Musa Bin Nik Muhammad.

<sup>12</sup> Unity Magazine, No. 21-22, Ogos-September 1986.

politik yang bertentangan dengan kerajaan. Khathadam (1960:58) menyatakan pembunuhan tersebut dilakukan oleh seorang pegawai polis berpangkat Letenan.

Pada tahun 1958-1969, Thailand berada di bawah pemerintahan tentera. Beberapa tahun kemudian Thailand telah mengadakan pilihan raya. Tetapi hanya 2 kali pilihan raya yang penduduk Kampung Duku bersatu mengundi calon-calon keturunan Melayu dengan mengenyepikan calon - calon keturunan Thai atau Cina. Sebelum itu terdapat seorang dari calon-calon keturunan Thai atau Cina tersebut akan berjaya dalam pilihan raya yang mempunyai sebanyak 3 kerusi itu. Kedua-dua pilihan raya tersebut ialah pilihan raya pada 4 April 1976 selepas demonstrasi secara besar-besaran terhadap pembunuhan penduduk Melayu oleh anggota tentera laut Thailand di wilayah Pattani. Calon-calon yang berjaya dalam pilihan raya di atas tiket Parti Demokrat itu ialah Sdr. Siddiq Sharif dilantik menjadi timbalan menteri pendidikan, Sdr. Abdul Rashid Abdul Salleh atau nama Siamnya Siri Abdul Salleh dan seorang anak kepada Sdr. Wan Yusuf Marohputra, pelajar Melayu pertama dalam sistem pendidikan Thailand iaitu Sdr. Wan Ali Bin Wan Yusuf atau nama Siamnya Wachira Marohputra. Kemudian tertubuh sebuah organisasi politik Melayu yang dinamakan " *Kumpulan Wahdah* " pada 8 Mac 1986.<sup>13</sup> Kumpulan tersebut terdiri dari tokoh-tokoh politik dan agama dari wilayah-wilayah Melayu dengan berbilang parti untuk bekerjasama dalam menjaga kepentingan masyarakat Melayu.

<sup>13</sup> Sejarah Penubuhan Kumpulan Wahdah, l.t.

Pilihan raya kedua pada tahun 1988 sekali lagi calon-calon Melayu berjaya memenangi semua kerusi parlimen wilayah Narathiwas walaupun mereka dari berlainan parti. Dalam pilihan raya tersebut penduduk Kampung Duku telah mengundi calon-calon Melayu tersebut iaitu Sdr. Shaarani Bin Abdullah Ahmad dari Parti KijPrachakhorm, Sdr. Ariffin Bin Ahmad dari Parti Prachachon dan Sdr. Shihabuddin Bin Mohd. Piah dari Parti Chao Thai. Dalam pilihan raya kali inilah peluang bagi calon-calon bukan Melayu tiada lagi untuk menjadi ahli parlimen di wilayah Narathiwas sehingga sekarang. Ia berlainan dari wilayah Pattani dan wilayah Yala yang calon-calon keturunan Thai atau Cina masih berpengaruh. Beberapa tahun kemudian tokoh-tokoh politik yang menguasai dalam kumpulan Wahdah telah menyeleweng dari matlamat asal penubuhannya iaitu bekerjasama di antara mereka yang berbilang parti kepada menonjol satu parti dan mengeneipkan tokoh-tokoh dari parti lain sehingga tokoh-tokoh tersebut terkeluar dari kumpulan itu.<sup>14</sup>

Perpecahan ini juga turut berlaku dalam kempen-kempen di peringkat kampung seperti di Kampung Duku. Setelah kumpulan tersebut menyertai Parti Harapan Baru (New Aspiration Party) sebuah parti yang bersaing kuat dengan Parti Demokrat. Kalangan penyokong Kumpulan Wahdah di Kampung Duku terdiri dari ustaz-ustaz sekolah agama, ustaz-ustaz Tadika dan golongan agama termasuk Sdr. Haji Mokhtar Bin Haji Shihabuddin @ Lamatha, Imam Masjid At-Tahiriyah. Bagi kalangan penyokong Parti Demokrat terdiri dari kalangan

<sup>14</sup> Pengkaji telah temubual dengan beberapa Tokoh-Tokoh Politik yang telah terkeluar dari Kumpulan Wahdah sekitar tahun 1990-95.

liberal termasuk Sdr. Mohd. Daud Bin Haji Ahmad @ Lamatha, ketua mukim Bachok. Di Kampung Duku terdapat sebuah kumpulan fahaman Wahabi yang juga terpengaruh di wilayah Narathiwah pada peringkat awal kumpulan ini menyokong calon-calon Kumpulan Wahdah. Kemudian berlaku pertelingkahan dalam pilihan raya senator di wilayah Yala, iaitu apabila seorang calon dari kumpulan fahaman Wahabi ditipu oleh Sdr. Wan Mohammad Nor Mattha, pimpinan tertinggi dalam kumpulan Wahdah. Maka pertelingkahan tersebut menyebabkan semua ranting-ranting kumpulan fahaman Wahabi termasuk di Kampung Duku berpaling tadah dan menyokong calon-calon yang bersaing dengan calon-calon kumpulan Wahdah. Walaupun kumpulan Wahdah boleh dianggap sebagai satu-satu pertubuhan politik yang tersusun dan terpengaruh di wilayah-wilayah Melayu, tetapi kumpulan tersebut hanya bergantung kepada dana sumbangan parti politik yang mereka sertai sahaja.

Peranan politik seperti ini boleh dianggap sebagai “*Politik bermusim*”, iaitu tidak lain seperti katak-katak dan cendawan-cendawan yang terdapat di musim hujan. Selain musim pilihan raya mereka akan berdiam diri atau seperti katak-katak di musim panas. Dengan itu sesuatu tindakan kumpulan Wahdah atau kumpulan saingannya masih dikawal dan ditentukan oleh parti politik Thailand yang juga masih dikuasai golongan ahli perniagaan dan kelompok yang mempunyai dana sumbangan yang besar. Begitu juga dengan pilihan raya senator walaupun secara rasmi calon-calon keturunan Melayu itu tidak boleh berparti, tetapi secara peribadi calon-calon tersebut mendapat dana sumbangan

dari parti-parti politik yang mereka menyokong. Di wilayah Narathiwat terdapat 2 kerusi senator, iaitu masing-masing diisi oleh seorang calon dari Parti Harapan Baru dan Parti Demokrat.

Penduduk Kampung Duku juga menerima budaya politik Thailand iaitu politik wang dan penipuan undi. Politik Thailand bukan merupakan politik demokrasi popular ( Popular Democracy ) sebaliknya ia menjadi politik demokrasi elit ( Elite Democracy ).<sup>15</sup> Di Kampung Duku juga ideologi dan parti politik yang disertai oleh calon-calon itu bukan faktor penentu dalam satu-satu kemenangan mereka, contohnya di peringkat parlimen walaupun calon dari kumpulan Wahdah yang boleh dianggap sebagai calon berideologi. Namun wang adalah faktor penentu kemenangan calon dari kumpulan tersebut. Sehingga pemuda - pemuda di Kampung Duku mengatakan “ *Tanpa Wang Tanpa Undi* ” dan “ *Jangan makan seorang* ” yang bermaksud calon-calon tersebut menerima wang sumbangan kempen dari parti politik yang sepatutnya calon itu juga perlu sumbangkannya kepada mereka. Parti politik bukan menjadi faktor penting dalam pilihanraya itu, kerana seseorang calon yang telah berjaya kebanyakannya adalah calon-calon yang “ *lompat-melompat* ” atau “ *pelacur politik* ”. Contohnya salah seorang calon yang berjaya yang mana Kampung Duku terletak dalam kawasan Pilihan rayanya adalah calon yang pernah lompat-melompat sebanyak 5 buah parti politik. Politik wang bukan sahaja berada dalam pilihan raya peringkat kebangsaan sebaliknya ia menjular ke dalam pilihanraya di peringkat tempatan. Yang memeranjatkan ialah dalam pemilihan ahli majlis perbandaran Bachok

<sup>15</sup> Polsakdi Chirakraksiri, Phak Laek Klum, (Bangkok: Saengrung Kanpimp, 1981) Muka 401

beberapa tahun yang lalu apabila Sdr. Shamsuddin Bin Ahmad, seorang penduduk Kampung Duku kelulusan dari sebuah IAIN di Indonesia ditolak oleh penduduk kampung tersebut, sebaliknya seorang lagi calon dari penduduk Kampung Duku yang tidak berpelajaran tinggi tetapi menggunakan wang yang banyak dalam pilihan tersebut telah berjaya menjadi ahli majlis tersebut.

Dalam penipuan undi di pusat pengundian di Kampung Duku itu berlaku sama seperti di beberapa kampung di Thailand dan ia dianggap sebagai amalan biasa bagi satu – satu pilihanraya. Ini dijelaskan oleh seorang ketua mukim yang bernama " *Kamnan Pok*" di wilayah Chonburi di bahagian Timur Thailand.<sup>16</sup> Beliau menyatakan bahawa pengundi-pengundi di tempatnya hanya mengundi lebih kurang 66 peratus, tetapi peratus pengundian akan melambung lebih dari 80 pertaus kerana pihaknya telah membuat penipuan. Walaupun begitu pihak pegawai kerajaan peringkat daerah setuju dengan perbuatan itu. Pegawai-pegawai itu mendapat kepujian atas kejayaan dalam kempen-kempen supaya penduduk keluar untuk mengundi. Kadang kala mereka juga mendapat hadiah dari pihak pentadbiran di peringkat wilayah.

Walaupun pemimpin-pemimpin di peringkat mukim dan kampung seperti Kampung Duku mendapat tekanan dari pihak berkuasa daerah seperti pegawai daerah dan sebagainya supaya menyokong calon-calon yang direstui oleh pihak

<sup>16</sup> Phasuk Pongchaichit & Sangsit Phiriyarangsarn, *Rath Thum Chao Pho Thong Thum kab Sangkhon Thai*, ( Bangkok : Chulalongkorn University, 1992 ), Muka 133.

pegawai atasan. tetapi di Kampung Duku kesan dari tekanan tersebut tidak jelas seperti yang berlaku di wilayah Pattani. Contohnya pihak pegawai atasan telah menekankan ketua-ketua kampung dan mukim di wilayah Pattani supaya menyokong calon senator iaitu bekas seorang pegawai polis berpangkat kommissioner. Tekanan tersebut telah memeranjatkan penduduk Melayu khususnya di wilayah Narathiwat apabila calon tersebut berjaya menjadi senator. Walaupun senator tersebut dianggap "*Murtad*" kerana pernah memeluk agama Islam setelah berkahwin dengan seorang wanita Melayu kemudian pasangan itu berpisah.

Ini telah membuktikan bahawa pihak kerajaan Thailand dapat menguasai politik masyarakat Melayu di wilayah-wilayah Melayu baik secara langsung mahupun tidak langsung.

### **Politik melalui pertubuhan pemisah**

Telah lama wujud penentangan kerajaan Thailand di kalangan penduduk Melayu termasuk di Kampung Duku baik secara langsung dan tidak langsung. Dari pandangan kerajaan sesiapa yang menentangnya adalah pengganas sebaliknya pengganas tersebut dianggap sebagai wira bagi penduduk Melayu, kerana keberanian mereka menentang pihak kerajaan.<sup>17</sup> Bagi sebilangan penduduk Kampung Duku menganggap "*Awang Sedo*" sebagai simbolik penentangan Kerajaan. Pada tahun 1958-1969 Thailand berada dibawah pemerintahan tentera. Dalam jangka masa tersebut berlaku beberapa tindasan

<sup>17</sup> Thaksin Khdee, Thaksin University, Songkhla, Tahun 5 No. 2 Januari 1998 Muka 39.



dan tekanan terhadap penduduk Melayu.

Bagi membalas tindakan tindasan tersebut, beberapa tokoh politik Melayu telah menubuhkan beberapa pertubuhan pembebasan seperti pada tahun 1959 Tengku Abdul Jalal Bin Tengku Abdul Muttalib, bekas ahli parlimen wilayah Narathiwah telah menubuhkan Barisan Nasional Pembebasan Patani atau BNPP. Kemudian BNPP ditukarkan nama kepada Barisan Islam Pembebasan Patani atau BIPP. Ustaz Abdul Karim Bin Haji Hassan juga telah menubuhkan Barisan Revolusi Nasional atau BRN pada tahun 1963 beberapa tahun selepas itu Tengku Bira atau Kabir Abdul Rahman telah menubuhkan Pattani Liberation Organisation atau PULO pada tahun 1968.<sup>18</sup> Ketiga-tiga pertubuhan ini turut bergerak di Kampung Duku. Pada peringkat awal pertubuhan yang berpengaruh di Kampung Duku ialah BNPP. Kerana terdapat beberapa penduduk Kampung Duku menjadi gurila pertubuhan tersebut seperti Sdr. Che' Nik Kechik (meninggal di Negeri Kelantan), Sdr. Mat Jemali (di tembak mati), Sdr. Abdul Kadir Kok (ditembak mati), Sdr. Sori (ditembak mati), Sdr. Abdul Aziz (menyerah diri), Sdr. Zulkifli (menyerah diri) dan Sdr. Ramli (sekarang menetap di negeri Terengganu). Setelah PULO muncul di arena politik pemisahan terdapat beberapa penduduk Kampung Duku menyertai pertubuhan tersebut seperti Sdr. Abdul Rashid (meninggal dunia di negeri Kelantan), Sdr. Salleh (menyerah diri dan tetapi

<sup>18</sup> Nik Abdul Rakib Bin Haji Nik Hassan "Perundingan sulit di Cairo" dalam The Nation Weekender, 17-23 November 1995 dan Laman Web Pertubuhan Pemisah seperti [WWW.PULO.ORG](http://WWW.PULO.ORG), [WWW.GEOCTHIES.COM/PULO\\_99\\_2000](http://WWW.GEOCTHIES.COM/PULO_99_2000), [Http://MEMBERS.TRIPODASIA.COM.SG/BRN](http://MEMBERS.TRIPODASIA.COM.SG/BRN)

masih menetap di negeri Kelantan ).<sup>19</sup> Bagi pertubuhan BRN yang dianggap sebagai pertubuhan yang tersusun sekali di antara pertubuhan-pertubuhan itu. Walaupun tiada penduduk Kampung Duku yang menjadi gurilanya, tetapi terdapat beberapa penduduk yang simpati dengan perjuangan pertubuhan itu.

Pada tahun 1980 pihak kerajaan Thailand telah mengeluarkan surat arahan No. 66/23 iaitu dasar menjalankan perubahan strategi perjuangan untuk memadamkan perjuangan komunis yang juga secara langsung melibatkan perjuangan Melayu di wilayah-wilayah Melayu di Selatan Thailand. Dengan tindakan mengikut surat arahan tersebut, pihak kerajaan telah berjaya melenahkan pertubuhan-pertubuhan pemisah tersebut. Kemudian pada 2 Oktober 1981 Jeneral Harn Lilanont, ketua turus tentera bahagian 4 yang pentadbirannya merangkumi semua 14 wilayah di Selatan Thailand telah mengistiharkan "*Projek Tai Rom Yen*". Projek Tai Rom Yen inilah yang memainkan peranan yang penting sehingga berjaya mengubah arus perjuangan penduduk Melayu termasuk di Kampung Duku dari arus radikal atau pemisahan kepada arus sederhana. Serta dengan berlaku beberapa perpecahan dalaman terhadap pertubuhan seperti PULO, BRN dan BIPP menyebabkan perjuangan melalui pertubuhan pemisahan lebih lemah lagi.

Pada 31 Ogos 1989 pertubuhan BIPP, BRN ( Kongres ), PULO dan Gerakan Mujahiddin Patani yang ditubuhkan pada tahun 1980-an bersetuju untuk

<sup>19</sup> Pengkaji telah temubual dengan Sdr. Abu Hussein, seorang bekas Ketua Unit Pertubuhan API (Angkatan Patani Insaf) pada 21 Januari 2002 di Kedai perniagaannya di Pekan Rantau Panjang, Kelantan.

mewujudkan sebuah pertubuhan payong ( Umbrella Organisation ) bagi menyelaraskan semua aktiviti pertubuhan-pertubuhan tersebut. Pada 1991 tertubuh sebuah pertubuhan payong tersebut yang dinamakan *Barisan Bersatu Kemerdekaan Patani* atau *United Front for Patani Independence*.<sup>20</sup> Pertubuhan tersebut di pimpin oleh seorang bekas pensyarah dari sebuah Universiti kemudian jawatan itu diambilalih oleh seorang pensyarah lagi dari sebuah Universiti. Walaupun begitu jumlah penduduk Kampung Duku yang simpati dengan perjuangan melalui pemisahan semakin merosot. Pihak kerajaan juga telah mengambil beberapa orang penduduk Kampung Duku menjadi "*Relawan membela Tanahair*" atau "*Asasamak Raksadindaen*" dengan nama ringkasnya dalam bahasa Thai ialah "Oo. So." Unit ini berada di bawah kawalan penolong pegawai daerah bahagian keselamatan di setiap daerah .

Mereka mendapat latihan ala tentera di sebuah kem askar di wilayah Prachuap Khirikhan.<sup>21</sup> Biasanya dalam satu pertempuran dengan pihak gurila dari pertubuhan-peertubuhan pemisah unit ini akan menyertai pasukan kerajaan secara langsung. Terdapat juga bekas-bekas gurila yang telah menyerah diri akan menyertai unit ini seperti salah seorang bekas gurila BNPP yang berkahwin dengan penduduk Kampung Duku juga telah menjadi relawan tersebut. Mengikut pihak kerajaan jumlah bekas gurila yang telah menyerah diri semua dari tahun

---

<sup>20</sup> Majlis Permusyawaratan Melayu Patani, *Hidup Mati Bangsa Melayu Patani*, 1997, Muka 21-22.

<sup>21</sup> Son Bangyikhan & Vittaya Narasirikulkij, *Local Politics in Thailand* (Bangkok : Ramkhamhaeng University, 1983) Muka 570-571.

1979-1998 di wilayah-wilayah Melayu ialah sebanyak 987 orang. Ini kita dapat melihat keberkesanan dasar Siamisasi pihak kerajaan sehingga berjaya mengubah arus pemikiran penduduk Melayu khususnya penduduk Kampung Duku dari arus radikal kepada arus sederhana.

Kebelakangan ini terdapat sebuah pertubuhan pemisah yang dinamakan "*Gerakan Mujahidin Islam Patani*" atau GMIP. Beberapa sumber menyatakan pertubuhan ini diasaskan oleh pihak yang berkaitan dengan tentera Thailand untuk melakukan keganasan dalam wilayah-wilayah Melayu dan tujuannya adalah untuk mendapat peruntukan sulit dari pihak kerajaan.

#### **Penempatan kuil Buddha di dalam Kampung Duku**

Kampung Duku yang terletak di pinggir pekan Bachok juga mempunyai satu kesan dari dasar Siamisasi pihak Kerajaan Thailand iaitu satu-satunya perkampungan Melayu yang mempunyai sebuah kuil tempat beribadat masyarakat keturunan Thai-Buddha yang mendiami sekitar pekan Bachok. Penempatan kuil Buddha tersebut dijalankan secara halus dalam tekanan sehingga tidak mendapat tentangan dari masyarakat Melayu setempat.

Pada peringkat awal, tempat beribadat masyarakat keturunan Thai - Buddha dalam pekan Bachok terletak di pinggir kaki Bukit Budor iaitu di kawasan pejabat pentadbiran national park sekarang yang terletak lebih kurang

2 kilometer dari pekan Bachok. Oleh kerana daerah Bachok adalah sebuah daerah yang dianggap sebagai kubu kuat bagi pihak pertubuhan-pertubuhan pemisahan Patani, maka di daerah in sering berlaku pertempuran di antara pihak kerajaan dengan anggota gurila dari pertubuhan-pertubuhan pemisahan tersebut.

Demi menjaga keselamatan sami-sami Buddha yang mendiami kuil Buddha di kaki bukit tersebut, pihak kerajaan telah membuat cadangan untuk memindahkan kuil tersebut ke tempat yang lebih selamat. Dengan kerjasama dari pihak pentadbiran di peringkat daerah Bachok dan masyarakat keturunan Thai - Buddha di pekan Bachok serta dengan tekanan dari pegawai daerah Bachok semasa itu yang bernama Chuchai Uairattana, masyarakat keturunan Thai - Buddha telah berjaya membeli sebidang tanah kepunyaan penduduk Melayu seluas 6 Rai (2.4 Ekar). Tanah tersebut terletak dalam kawasan Duku Pak Lek di pinggir Kampung Duku berdekatan dengan pekan Bachok. Pemilik tanah tersebut adalah Sdr. Haji Che' Amin Bin Haji Mohd. Salleh. Beliau menjual tanah tersebut kepada pihak Kerajaan pada bulan Ogos 1965.<sup>22</sup> Beberapa lama setelah membeli tanah itu barulah mereka membina kuil Buddha di atas tapak tanah itu.

Ini kemungkinan untuk mengelak dari penentangan masyarakat Melayu.

<sup>22</sup> Geran tanah itu ialah Geran jilid 4 No. 468 dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Daerah Bachok pada 17 Ogos 1965. Geran tersebut dipindah Hakmilik dari Sdr. Haji Che' Amin Bin Haji Mohd. Salleh kepada Mr. Chuchai Uairattana yang mewakili Jabatan Agama Kerajaan Thailand kemungkin di hari yang sama. Kerana tidak tercatat hari pindah Hakmilik hanya tercatat bulan sahaja.

Sang Chanliam, ketua mukim Bachok selaku ketua masyarakat keturunan Thai-Buddha telah mendapat surat kebenaran untuk membina kuil dari pihak kerajaan pada 25 April 1968. Sebenarnya sebelum tanah penempatan kuil Buddha ini dijual kepada masyarakat keturunan Thai - Buddha terdapat beberapa orang Melayu telah mengesyorkan pembelian tanah itu untuk membuka sebuah pondok pengajian agama. Tetapi setelah mendapati pegawai daerah tersebut campurtangan dalam urusan pembelian itu, orang-orang tersebut telah menafik diri. Kerana kemungkinan situasi penekanan pihak kerajaan Thailand terhadap masyarakat Melayu semasa itu sangat kuat. Pegawai-pegawai daerah dapat menentukan nasib hidup mati seseorang Melayu dalam kawasan pentadbirannya.

Beberapa tahun setelah mendapat surat kebenaran pembinaan kuil Buddha, pihak kementerian pendidikan yang bertanggungjawab dalam hal ehwal agama telah memberi suratakuan penubuhan secara rasmi kepada kuil Buddha tersebut pada 14 September 1976. Kuil Buddha tersebut dinamakan "*Wat Urairattunaram*" sempena nama pegawai daerah itu yang telah mati ditembak oleh seorang kakitangan kerajaan keturunan Thai dalam satu pertelingkahan peribadi. Kuil tersebut adalah salah satu kuil Buddha yang dikelilingi oleh rumah kediaman penduduk keturunan Melayu di pinggir Kampung Duku.

Dasar menempatkan kuil Buddha di tengah masyarakat keturunan

Melayu ini adalah selaras dengan dasar pembinaan sebuah patung Buddha yang terbesar setinggi 28.30 meter di Bukit bakong dalam wilayah Narathiwas. Pihak kerajaan telah mencadangkan pembinaan patung tersebut pada tahun 1966. Mereka memulakan pembinaan pada 22 Jun 1966 dan telah siap pembinaan pada 18 September 1969. Patung Buddha tersebut dinamakan "*Phra Budh Dhaksin Mingmongkol*" sebagai patung Buddha induk bagi kesemua 14 wilayah di Selatan Thailand. Dasar penempatan patung Buddha terbesar di wilayah Melayu ini yang majoriti penduduknya menganut agama Islam adalah selaras dengan penempatan kuil Buddha di Kampung Duku yang keseluruhan penduduk adalah keturunan Melayu.

#### **Kesan dari dasar Siamisasi melalui perkahwinan campur**

Kerajaan Thailand telah lama menjalankan dasar Siamisasi supaya penduduk Melayu di Selatan Thailand menerima kebudayaan Siam. Sdri. Aishah Binti Hamzah atau nama Siamnya, Saowani Chitmuad<sup>23</sup> telah menjeliskan kesan-kesan dari dasar Siamisasi kepada 3 bahagian iaitu pertama adalah golongan yang telah menerima budaya Siam yang tidak bercanggah dengan agama Islam seperti bahasa pertuturan. Kedua adalah golongan yang menerima budaya Siam secara tidak disedari mereka kerana mereka tidak mempunyai asas agama dan perilaku tersebut akan disambungkan oleh

<sup>23</sup> 23 Saowani Chitmuad, *Wattanatham Islam*. (Bangkok : Thungnam, 1982.) Muka 312; Pengkaji telah temubual dengan beliau pada sekitar bulan Oktober 2002 di Hotel Plaza, Sungai Golok, Narathiwas.

generasi selepasnya. Ketiga adalah golongan yang menerima budaya Siam secara keseluruhan dan mereka sanggup menukar pegangannya dari agama Islam kepada agama Buddha.

Ketiga golongan ini telah muncul di dalam masyarakat Melayu di Selatan Thailand termasuk di Kampung Duku sendiri. Di zaman dahulu perkahwinan di kalangan masyarakat Melayu biasanya di atas pilihan dari pihak ibu bapa. Sesetengah mereka memilih pasangan yang mempunyai pertalian kekeluargaan ataupun gelaran yang sama seperti sama-sama dari gelaran Tengku, Nik atau Wan.

Tetapi sekarang keadaan telah berubah di kalangan mereka yang mempunyai pendidikan Siam tidak minat kahwin di antara kerabat keluarga. Mereka percaya bahawa ia akan menggugat kecerdikan keturunan mereka. Peranan isteri dalam keluarga Melayu amat penting Michael G. Swift (1965:106) telah menyatakan bahawa wanita mempunyai peranan yang penting dalam masyarakat, lelaki tidak akan membuat sebarang keputusan tanpa bincangan dengan isterinya. Ia bukan hanya menggambarkan masyarakat Minangkabau di Jelebu sahaja. Tetapi menggambarkan masyarakat Melayu secara umum termasuk di Selatan Thailand.

Penduduk di Selatan Thailand dijeniskan kepada 2 bahagian iaitu pertama adalah penduduk Melayu dan kedua adalah penduduk keturunan Thai yang juga termasuk keturunan Cina yang telah menerima kebudayaan Thai secara menyeluruh. Walaupun penduduk Kampung Duku adalah Melayu



keseluruhannya, tetapi kampung tersebut terletak berdekatan dengan pekan Bachok yang penduduknya selain keturunan Melayu terdapat juga keturunan Thai dan Cina yang beragama Buddha. Setelah penduduk Melayu di Kampung Duku bergaul dengan masyarakat keturunan Thai-Buddha, berlakulah perkahwinan campur beberapa pasangan di antara kedua-dua keturunan tersebut.

Di Kampung Duku dan pekan Bachok terdapat perkahwinan campur lebih dari 15 pasangan. Kebanyakannya terdiri dari wanita Melayu dan lelaki keturunan Thai. Perkahwinan campur tersebut dapat dijeniskan kepada 3 bahagian iaitu:

Pertama, golongan yang mengamalkan agama Islam dan keadaan kemelayuan secara keseluruhan baik dari lelaki Melayu maupun wanita Melayu. Di Kampung Duku terdapat golongan ini seperti keluarga Sdr. Che' Omar dan keluarga bekas guru kerajaan bernama Sdr. Haji Hassan. Kedua-dua isteri mereka itu mengamalkan kebudayaan Melayu baik dalam pertuturan dan sebagainya lebih-lebih lagi isteri Haji Hassan yang bernama Hajjah Mah yang telah menunaikan fardu' haji bersama suaminya. Bagi keluarga Sdr. Che' Omar dengan isterinya yang berketurunan Thai juga boleh digolongkan ke dalam golongan ini juga.

Kedua, golongan yang mengamalkan agama Islam secara tidak sepenuhnya dan sesetengah dari mereka berada dalam keadaan kesiaman.<sup>24</sup> Golongan inilah

<sup>24</sup> Pengkaji telah temubual dengan Sdr. Rohani Abdullah umur 23 tahun seorang Jururawat yang berasal dari

yang paling banyak di kalangan perkahwinan campur di Kampung Duku seperti kedua-dua orang cucu Sdr. Che' Wanik Bin Awang Nor yang bernama Sdri. Sharipah telah berkahwin dengan lelaki keturunan Thai dan menetap di Bangkok. seorang lagi ialah Sdri. Faridah yang berkahwin dengan seorang polis di Daerah Bachok. Lagi kedua-dua anak kepada seorang guru di Sekolah Rendah Ban Duku yang bernama Sdri. Zainab Che' Yusuf dan bekas pegawai polis bernama Sdr. Abdul Latif Che' Yusuf iaitu Sdr. Bidin Bin Abdul Latif yang telah berkahwin dengan seorang guru kerajaan keturunan Thai dan kakaknya. Sdr. Zaitun Binti Abdul Latif telah berkahwin dengan seorang polis keturunan Thai. Bagi Sdri. Zaitun, sebelum menjadi guru kerajaan beliau mempunyai pemikiran cenderung kepada kemelayuan dan pernah bercadang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana di Universiti Sanis Malaysia di Pulau Pinang. Tetapi setelah diserapkan ke dalam perkhidmatan kerajaan Thailand dan keadaan kesiaman di sekitar tempat tugasnya menyebabkan pemikirannya berubah. Kedua-dua mereka itu berada dalam keadaan kesiaman dan menetap di daerah Sukhirin iaitu daerah yang padat dengan penduduk keturunan Thai dari dasar pemindahan penduduk.

Ketiga, golongan yang telah menukar pegangan agama dari Islam kepada agama Buddha. Di Kampung Duku terdapat 2 keluarga yang tergolong dalam golongan ini. Bagaimanapun kedua-dua mereka itu telah meninggal

Kampung Charak di Pinggir Pekan Bachok pada 28 Mac 2002 di Pekan Sungai Galok. Beliau menyatakan masih terdapat minuman keras dan makan makanan Haram seperti babi. Yang sedihnya seorang Wanita Melayu yang minum sanggup makan Babi setelah hanya bercinta dengan seorang Pemuda keturunan Thai.

dunia. mereka itu ialah Sdr. Che' Abbas seorang bekas polis berasal dari Melayu Bangkok. Beliau pernah berkhidmat di daerah ini dan telah berkahwin dengan seorang wanita Melayu. Kemudian setelah bercerai, beliau berkahwin dengan seorang wanita keturunan Thai dan menukarkan agama dan namanya dari Che' Abbas Bin Jamal kepada bahasa Thai sebagai Serm Bunjama. Seorang lagi ialah Sdri. Mek Nor<sup>25</sup> yang berasal dari Kampung Thon yang terletak 8 Kilometer dari Kampung Duku. Kemudian beliau berkahwin dengan seorang peniaga keturunan Cina dan menetap di Kampung Duku.

Di masa dulu kedua-dua mereka itu menjadi simbolik kepada seseorang yang telah menukar agama. Mereka akan menyebut "*Mek Nor*" bila merujuk kepada wanita-wanita yang menukarkan agamanya sebaliknya akan menyebut "*Che' Abbas*" bila merujuk kepada lelaki-lelaki yang menukarkan agamanya. Di Kampung ini masih terdapat 2 keluarga yang agak unik iaitu Sdri. Rokiah yang menjadi isteri muda kepada bekas polis keturunan Thai. Kerana polis tersebut masih mengamalkan agama Buddha dan menetap dengan isteri tua di wilayah Pattani. Begitu juga dengan Sdri. Che' Aishah yang menjadi isteri muda kepada seorang polis berpangkat sarjan major di daerah ini. Keluarga ini lebih memeningkan penduduk kampung kerana polis tersebut akan berada dalam keadaan Islam dan menunaikan sembahyang juma'at semasa dalam giliran isteri muda. Sebaliknya beliau akan mengamalkan kebudayaan Thai semasa dalam giliran

<sup>25</sup> Pengkaji telah temubual dengan Sdri Rafiah Binti Koehik umur 31 tahun pada 3 Mei 2001 di rumahnya di Kampung Duku. Beliau menyatakan bahawa setelah Mek Nor yang juga kerabat keluarganya meninggal dibunuh Perompak. Mayatnya dikuburkan di Perkuburan Islam tidak seperti Che' Abbas yang dibakar mengikut adat Masyarakat Thai.

isteri tua yang masih beragama Buddha.

Mengikuti Sdr. Wan Othman Bin Wan Yaakob,<sup>26</sup> di balai polis daerah Bachok terdapat beberapa pasangan yang masih mengamalkan kebudayaan tergolong dalam golongan ketiga. Salah seorang wanita Melayu dari wilayah bukan Melayu yang berkahwin dengan polis di daerah ini telah memberitahunya bahawa jika ibunya meninggal dunia, dia akan menukarkan agama mengikut suaminya. Begitu juga dengan salah seorang polis kacukan Melayu - Thai dari wilayah Singgora yang bernama Sdr. Wikut Had Puteh telah menukar agama Islam kepada agama Buddha setelah berkahwin dengan seorang guru keturunan Thai di pekan Bachok. Dari hasil perkahwinan campur ini, pengkaji menamakan keturunan ini sebagai keturunan "*Malayo-Siamese*".

Golongan ini mempunyai kelemahan dari segi jatidiri. Jika mereka berdepan dengan pihak berkuasa atau keturunan Thai, mereka akan mengatakan mereka mempunyai ibu atau bapa dari keturunan Thai. Ini adalah untuk menegaskan ketaatsetiaan mereka terhadap kerajaan Thai.

Walaupun di Kampung Duku masih belum terdapat golongan yang bersekedudukan tanpa nikah, tetapi terdapat golongan ini di bandar-bandar besar di wilayah-wilayah Melayu. Pengkaji telah berjumpa dengan beberapa pasang

<sup>26</sup> Pengkaji telah temubual dengan Sdr. Wan Othman Bin Wan Yaakob umur 40 tahun seorang Polis berpangkat Sarjan Major di Balai Polis Bachok pada 8 Disember 2000 di Pekan Bachok.

tersebut di bandar Sungai Golok mereka juga telah melahirkan keturunan tanpa nikahnya. Ini dapat membuktikan bahawa ia berlaku dari dasar Siamisasi terhadap penduduk keturunan Melayu amnya di wilayah - wilayah di Selatan Thailand dan khususnya di Kampung Duku.

### **Stratifikasi Sosial dan perubahannya di Kampung Duku**

Masyarakat Melayu di Selatan Thailand amnya dan Kampung Duku khususnya seperti juga masyarakat Melayu di rantau ini. Tardjan Hadidjja ( 1964) telah memberikan peraturan keturunan masyarakat Melayu dengan mengatakan bangsa Raja itu seorang yang beristeri dengan samanya Raja , maka beroleh anak daripada keduanya itu bernama Raja bangsawan dan jika ibunya bangsa Mahkota, bapanya bangsa Menteri dapat anak itu, biduanda namanya dan jika ibunya bangsa biduanda, bapanya keluaran dapat anak daripada itu ceteria namanya dan jika ibunya ceteria bapanya bangsa orang awam. dapat anak daripada itu, perwara namanya dan jika ibunya perwara, bapanya orang awam dapat anak itu sida namanya dan jika ibunya bangsa sida. bapanya bangsa orang am anaknya itu hulubalang namanya.

Susunan tradisi keturunan Melayu seperti itu juga diamalkan di Selatan Thailand. hanya berlainan panggilan gelaran sahaja. Di Selatan Thailand khususnya di Kampung Duku stratifikasi keturunan Melayu dijeniskan kepada beberapa gelaran seperti berikut:

Raja atau Tengku, jika bapanya Raja atau Tengku walau apapun darjat ibunya. anaknya tetap digelarkan Raja atau Tengku.

Nik. jika ibunya Raja atau Tengku, bapanya orang awam anaknya akan digelaran Nik. jika bapanya Nik ibunya darjat lebih rendah dari bapanya anaknya juga akan digelaran Nik.

Wan. jika ibunya Nik, bapanya orang awam, anaknya akan digelaran Wan. jika bapanya Wan ibunya darjat lebih rendah dari bapanya anaknya juga akan digelaran Wan.

Che'. jika ibunya Che', bapanya orang am anaknya langsung tidak menggunakan gelaran.

Di kalangan kerabat Raja atau Tengku, Nik, Wan dan Che' masing-masing mempunyai pantang larang bagi kaum kerabat tersebut.<sup>27</sup> Pengkaji telah menemubual beberapa orang tua dari kaum kerabat tersebut dan didapati hanya sedikit sahaja dari mereka yang masih mengamal pantang larang tersebut. Bagi remaja Melayu, mereka langsung tidak mengamal pantang larang tersebut mereka tidak lagi memandang tinggi dan menghormati mereka yang mempunyai darjat dan gelaran kecuali golongan tersebut yang mempunyai kedudukan pekerjaan dan ekonomi yang kukuh.

<sup>27</sup> Fatimah Daud, "Perbandingan stratifikasi sosial kerabat Nik, Wan dan Che di Kelantan" dalam . Nik Safiah Karim & Wan Abdul Kadir Yusuf ( Peny. ), Kelantan dalam perspektif Sosio-budaya . ( Kuala Lumpur : Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya , 1985 ). Muka 229-244

### Kesan terhadap penggunaan nama dan nama famili ( Baka)

Dasar Siamisasi kerajaan Thailand telah memberi kesan terhadap penggunaan nama dan nama famili di kalangan penduduk Melayu khususnya di Kampung Duku penggunaan nama di kalangan mereka dijeniskan kepada 2 bahagian iaitu:

Pertama ialah golongan penduduk yang masih menggunakan nama-nama Melayu. Walaupun begitu apabila dituliskan ke dalam bahasa Thai di dokumen kerajaan dalam konteks bahasa Melayu Patani akan menimbulkan keaiban kepada pemiliknya dan akan berbeza nama aslinya dari penduduk Melayu di rantau ini seperti Abdul Rashid menjadi Dorasek, Abdul Rahman menjadi Dome atau Dorame dan Abdul Wahab menjadi Dohak.

Kedua ialah golongan penduduk Melayu yang menggunakan nama-namanya dalam bahasa Thai selain nama Melayunya.

Di Kampung Duku terdapat beberapa orang penduduk telah menggunakan nama dalam bahasa Thai seperti di kalangan keluarga ketua mukim Bachok, Sdr. Mohd. Daud Bin Haji Ahmad. Terdapat anak, menantu dan cucunya menggunakan nama dalam bahasa Thai seperti anaknya yang bernama Sdri. Khadijah menjadi Wilawan, Menantunya bernama Sdr. Haji Harun menjadi Charearn dan sebagainya. Mengikut Sdri. Khadijah,<sup>28</sup> penggunaan nama dalam

<sup>28</sup> Pengkaji telah temubual dengan Sdri. Khadijah Binti Mohd. Daud umur 30 tahun pada 2 Februari 2001 di rumahnya di Kampung Duku.

bahasa Thai adalah untuk mendapatkan kemudahan semasa berurusan dengan pihak kerajaan.

Sekarang pihak kerajaan melonggarkan peraturan penggunaan nama dengan membenarkan penduduk Melayu menukarkan nama dari bahasa Thai kepada bahasa Melayu dan membetulkan nama mereka di dokumen kerajaan dalam konteks bahasa Melayu Patani kepada bahasa Melayu baku seperti Dorosek menjadi Abdul Rashid, Dome menjadi Abdul Rahman dan sebagainya. Walaupun begitu hanya terdapat sedikit sahaja bilangan yang membetulkan nama-nama mereka itu.

Penggunaan nama famili atau lebih dikenali dengan sebutan "*Baku*" di kalangan penduduk Melayu tempatan. Sebenarnya sebelum kerajaan Siam memperkenalkan undang-undang supaya penduduk mempunyai nama famili. Penduduk Melayu tempatan telah lama menggunakan "*Bin*" dan "*Binti*". Setelah kerajaan memperkenalkan undang-undang nama dan nama famili pada 1 Julai 1913 dalam zaman Rama VI, penduduk Melayu di Kampung Duku tidak lagi mempunyai "*Bin*" atau "*Binti*" yang tersusun lagi. Yang anehnya perempuan tidak lagi mempunyai "*Binti*", kerana hanya "*Bin*" sahaja digunakan. Terdapat di kalangan mereka selain "*Bin*" diikuti dengan nama bapa ada juga yang "*Bin*" diikuti dengan nama datuk. Selain itu mereka juga menggunakan nama famili dengan nama datuk, nama pekerjaan, nama kampung, nama datuk nenek + nama kampung, nama datuk + datuk dan lain-lain lagi sebagai nama famili atau



"*Baku*" mereka. Beberapa nama famili di Kampung Duku selain dari "*Bin*" diikuti dengan nama ayah ataupun datuk terdapat juga nama famili seperti berikut :

Berasaskan pekerjaan seperti : Tuke Besi ( Tukang Besi ) Taneme ( Tanaman ).

Ule ( Ulam )

Berasaskan buah-buahan seperti : Lima ( Limau )

Berasaskan nama kampung : Khelek

Berasaskan benda seperti : Paye ( Tempayan )

Berasaskan nama datuk + gelaran seperti : Ali Badak

Berasaskan nama datuk + datuk seperti : Lah-Heng ( Abdullah-Ibrahin ).

Lamatha ( Mohd. Ilal - Mohd. Tahir )

Berasaskan nama yang tidak dapat mengesahkan asal usulnya seperti Jiwate.

Umeng dan sebagainya

Penggunaan nama famili tersebut bukan dari persetujuan penduduk Melayu di Kampung Duku. Tetapi ia disebabkan hasrat kerajaan untuk menyelesaikan pendaftaran nama famili kepada semua rakyat Thailand. Pihak yang bertugas pendaftaran nama famili kepada penduduk Melayu itu mempunyai kelainan budaya dan bahasa dari penduduk Kampung Duku sehingga menimbulkan keganjilan ke atas beberapa nama diri dan nama famili penduduk Melayu tersebut apabila nama-nama tersebut ditulis dalam bahasa Thai sewaktu mereka mendaftarkan nama-namanya.

Ini membuktikan dasar Siamisasi terhadap penggunaan nama dan nama

famili di kalangan penduduk Melayu di Kampung Duku sehingga menggugat Jatidiri Melayu.

### **Kesimpulan**

Terdapat kesan dari dasar siamisasi melalui perubahan pemerintahan dengan menggunakan dasar divide dan rule atau pecah dan perintah. Kesan tersebut baik diperingkat kampung atau daerah telah menyebabkan penduduk Melayu kehilangan perasaan kekitaan. Kampung Duku sendiri yang berasal dari satu kampung telah berjaya dipecahkan kepada 4 buah pentadbiran. Kerajaan juga telah berjaya mengubah arus politik masyarakat Melayu dari sifat radikal kepada sifat sederhana. Dengan itu pertubuhan pemisah wilayah-wilayah Melayu tidak lagi mendapat tempat dikalangan masyarakat Melayu. Pihak kerajaan telah berjaya menempatkan sebuah kuil Buddha ditengah masyarakat Melayu. Hubungan diantara masyarakat Melayu dan Thai telah melahirkan perkahwinan campur dan hasilan dari perkahwinan tersebut dinamakan "Malayo-Siamese". Begitu juga kesan dari dasar penggunaan nama dan nama famili atau baka ia telah menggugatkan identiti Melayu.